

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 8 MAR 2016

MBSA tingkat pemeriksaan ^{8/3/2016 kejeles}

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Persekitaran meningkatkan pemeriksaan di premis di sekitar bandaraya Shah Alam berikutan peningkatan kes demam denggi di kawasan tadbir Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihak majlis akan mengeluarkan kompaun terhadap premis yang didapati bersalah atas kesalahan membiak jentik-jentik mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Menurutnya, pada Februari lalu, majlis telah melakukan pemeriksaan terhadap 4,603 premis di sekitar bandaraya ini termasuk kediaman, rumah kedai dan restoran.

"Semburan di 146,558 premis telah dilakukan dan sebanyak 133 kompaun turut dikeluarkan atas kesalahan membiak jentik-jentik.

"Selain langkah penguatkuasaan, majlis turut melaksanakan aktiviti pendidikan dengan mengedarkan sejumlah 13,333 risalah dan 576 poster berkenaan demam denggi kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata, orang ramai juga digalakkan terlibat



Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad (kanan) melihat sampel jentik-jentik ketika melakukan pemeriksaan di sebuah tapak pembinaan di sekitar kawasan tadbir MBSA.

secara tidak langsung dengan mengambil masa 10 minit setiap minggu bagi memastikan kawasan kediaman dan premis berada dalam keadaan bersih serta kemas.

"Pemeriksaan secara berkala akan dilaksanakan di se-

kitar bandar raya ini yang berisiko kepada tempat pembiakan jentik-jentik seperti di kawasan kediaman, kawasan berstrata, kilang, tapak binaan, institut pengajian tinggi awam/swasta, sekolah/tadika dan sebagainya," katanya.